

11 NOV 1997

LEAD Amerika-Petronas

MAHATHIR REDAKAN KONTROVERSI SIASATAN AMERIKA TERHADAP PETRONAS

Oleh: Azman Ujang

KUALA LUMPUR, 11 Nov (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini meredakan kontroversi berhubung siasatan Amerika Syarikat terhadap urusan niaga Petronas di Iran, dengan berkata kerajaan tidak akan menghalang pegawai-pegawai Amerika datang ke Malaysia untuk menjalankan siasatan itu.

Ketika Perdana Menteri mengumumkan pendirian itu, timbalannya Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Abang Abu Bakar Mustapha, masing-masing berkata Amerika tidak berhak menyoal Petronas mengenai urusan niaga itu.

Majlis Belia Malaysia (MBM), yang mempunyai beratus-ratus persatuan gabungan, berpiket di hadapan Kedutaan Amerika Syarikat di sini bagi membantah siasatan itu yang dianggapnya satu penghinaan kepada kedaulatan Malaysia.

Bagaimanapun, 20 anggota majlis itu gagal menyerahkan nota bantahan kerana kedutaan itu ditutup sempena satu cuti umum di Amerika.

Mereka bertindak demikian ekoran pengesahan kedutaan itu semalam bahawa seorang pegawai Amerika dijangka tiba 18 Nov ini untuk menyiasat penglibatan Petronas dalam projek gas di Iran yang diusahakan bersama syarikat Perancis dan Rusia.

Abang Abu Bakar, yang tugasnya meliputi Petronas, memberitahu pemberita di Kuching bahawa Malaysia tidak akan membenarkan mana-mana pegawai Amerika menyiasat syarikat petroleum nasional itu.

Katanya Amerika tidak berhak menjalankan siasatan itu kerana Malaysia bebas mengadakan hubungan perdagangan dengan mana-mana negara.

"Ini sejajar dengan dasar Pertubuhan Perdagangan Sedunia yang membenarkan semua negara untuk saling menjalin hubungan perdagangan," kata beliau sambil menyifatkan tindakan Amerika itu sebagai taktik membuli negara-negara kecil.

Setiausaha Rendah bagi Perdagangan Amerika Stuart Eizenstat dilaporkan berkata di Rom minggu lepas bahawa Petronas dan empat syarikat lain menghadapi risiko sekatan jika siasatan itu mendapati urusan niaga mereka melanggar Akta Sekatan Iran Libya.

Akta kontroversi itu membenarkan kerajaan Amerika bertindak terhadap mana-mana syarikat yang melabur lebih RM20 juta setahun dalam sektor minyak dan gas di Iran.

Petronas terlibat bersama Total SA dari Perancis dan Gazprom dari Rusia dalam usaha sama bernilai US\$2 bilion bagi membangunkan sebahagian daripada medan gas South Pars. Dua lagi syarikat yang disebut oleh Eizenstat ialah Bow Valley dari Kanada dan Kumpulan Bakrie dari Indonesia.

Anwar pula berkata di Parlimen bahawa Amerika tidak berhak menyoal Petronas atau syarikat Malaysia yang lain untuk melabur atau mengurus niaga dengan mana-mana negara sekalipun.

"Ianya tidak logik," kata Timbalan Perdana Menteri mengenai undang-undang yang diluluskan oleh Kongres Amerika itu yang ditujukan kepada Iran dan Libya, yang didakwa oleh Amerika sebagai negara yang menyokong kegiatan keganasan antarabangsa.

Dr Mahathir berkata walaupun kerajaan tidak menyekat pegawai Amerika daripada menyiasat Petronas, ia ingin tahu "apakah soalan yang Amerika akan tanya Petronas".

"Kita akan memberi jawapan munasabah," kata Perdana Menteri.

Tetapi beliau juga berkata Malaysia tidak dapat menerima jika Amerika hanya mahu menyekat Petronas tanpa menghalang syarikat dari Rusia dan

Perancis yang juga terlibat dalam urusan niaga gas itu dengan Iran.

"...hanya kerana kita lemah, mereka tidak boleh melakukan tindakan seumpama itu (untuk menyekat kita)...tetapi dalam masa yang sama (membenarkan) negara-negara kuat meneruskan projek berkenaan," katanya ketika melancarkan Trak Nasional.

Jurucakap Kedutaan Amerika itu juga berkata pegawai Amerika yang akan tiba nanti akan melihat bentuk teknologi yang dipindahkan kepada Iran kerana Amerika bimbang jika ada pemindahan teknologi yang akan membolehkan Iran mengeluarkan senjata.

Pada satu majlis lain, Perdana Menteri berkata walau apapun yang diperkatakan, hubungan antara Malaysia dan Amerika sentiasa baik.

Amerika merupakan antara pelabur terbesar di Malaysia dan antara pasaran utama bagi eksport negara ini.

"Kita sentiasa cuba untuk berbaik-baik dengan semua orang," katanya.

Mesyuarat mingguan Kabinet esok dijangka membincangkan isu Petronas itu. -- BERNAMA

AU MAI